

# FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG GURU PELATIH FAKULTI PENDIDIKAN MEMILIH BIDANG PERGURUAN

Baharin Bin Abu & Nor Fatimah Binti A. Aziz  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan bagi mengkaji faktor-faktor yang mendorong guru pelatih Fakulti Pendidikan memilih bidang perguruan. Terdapat tiga faktor yang mendorong guru pelatih iaitu pengaruh peribadi, pengaruh orang signifikan dan kemudahan yang diberi dalam perkhidmatan pendidikan. Data diskriptif diperolehi melalui borang soal selidik daripada 41 orang pelajar tahun satu kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Data dianalisis menggunakan perisian SPSS 12.0 (Statistical Packages for Social Science) bagi mendapatkan min skor, kekerapan dan peratusan. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang diperolehi dalam kajian rintis ialah 0.81 dan menunjukkan instrumen kajian sesuai digunakan. Hasil dapatan kajian menunjukkan guru pelatih memilih bidang perguruan kerana pengaruh faktor peribadi diikuti pengaruh orang signifikan dan akhir sekali kemudahan yang diberi dalam perkhidmatan pendidikan.

**Abstract:** This research is to study factors influencing Faculty of Education teacher's trainee in choosing education field. There are three factors persuades teacher's trainee which are personal influence, significant person influence and facility given in teaching profession. The descriptive data was obtained through questionnaire of 41 correspondents from first year student of Bachelor of Technology with Education (Living Skills). The data was then analyzed by SPSS 12.0 software (Statistical Packages for Social Science) to attain score mean, frequency and percentage. The Alpha Cronbach value for the questionnaire was 0.81 thus the survey is wide to be used. The result shows teacher's trainee choosing teaching field because of personal factor influence follows by significant person influence and finally by facility given in teaching profession.

*Katakunci:* bidang perguruan, guru pelatih

## Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Guru berhasrat memilih bakal guru yang berminat, bukan mereka yang hanya menceburkan diri setelah tiada pilihan lain kerana sikap separuh hati ini telah terbukti mendatangkan akibat buruk kepada profesion itu sendiri (Berita Bahagian Pendidikan Guru, 1990). Menurut Hishammuddin Tun Hussein (1996), hasrat kerajaan adalah untuk memastikan bukan sahaja negara dapat melahirkan guru yang berkualiti, tetapi lebih jauh daripada itu, iaitu untuk memastikan guru yang berkualiti ini kekal di dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

## Pernyataan Masalah

Dalam memilih profesion perguruan sebagai kerjaya, terdapat faktor yang mendorong seseorang itu untuk menjadikan perguruan sebagai pekerjaan sebagai pekerjaan yang tetap. Pemilihan kerjaya sebagai seorang guru memerlukan seseorang itu benar-benar ingin menjadi seorang guru dan bukan disebabkan oleh perkaraperkara yang memaksa seseorang itu memilih profesion perguruan sebagai kerjaya seperti tiada pilihan dan sebagainya.

Kajian yang dijalankan oleh Kasim Ab. Rahman (1999) mendapati keluarga terutama ibu bapa mempengaruhi kerjaya seseorang. Beliau juga menyatakan pengaruh ibu bapa lebih dominan berbanding pengaruh rakan sebaya dalam soal pemilihan kerjaya. Dalam kajian yang dilakukan oleh Suffean Hussin (1996) mendapati pengaruh faktor perkhidmatan itu sendiri seperti gaji, masa bekerja dan elaun menjadi faktor utama dalam pemilihan kerjaya dalam profesion perguruan. Tajul Ariffin Noordin (1995) pula menegaskan ciri penting yang perlu ada dalam memilih profesion perguruan sebagai kerjaya adalah mempunyai minat yang penuh terhadap profesion itu sendiri. Berdasarkan daripada kajian-kajian tersebut, kajian ini dibuat untuk menjelaskan faktor manakah yang mendorong seseorang individu memilih untuk menjadikan bidang perguruan sebagai kerjaya mereka. Adakah disebabkan oleh pengaruh orang signifikan? Adakah faktor peribadi atau kemudahan yang diberikan dalam perkhidmatan mempengaruhi seseorang individu memilih bidang perguruan?

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong guru pelatih Fakulti Pendidikan memilih profesion perguruan. Kajian ini menumpukan kepada tiga faktor penting iaitu pengaruh orang signifikan, factor peribadi dan pengaruh kemudahan yang diberikan dalam perkhidmatan pendidikan.

### **Objektif Kajian**

Objektif utama kajian adalah untuk

- (i) mengenal pasti sama ada faktor orang signifikan mempengaruhi pemilihan profesion perguruan oleh guru pelatih Fakulti Pendidikan
- (ii) mengenal pasti sama ada faktor peribadi mempengaruhi pemilihan profesion perguruan oleh guru pelatih Fakulti Pendidikan
- (iii) mengenal pasti sama ada pengaruh kemudahan yang diberikan dalam perkhidmatan pendidikan mempengaruhi pemilihan profesion perguruan oleh guru pelatih Fakulti Pendidikan

### **Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan diharap dapat memberikan maklumat dan pengetahuan kepada semua pihak yang terlibat di dalam kajian ini samada secara langsung ataupun tidak. Pihak yang boleh menjadikan kajian ini sebagai satu tambahan maklumat adalah Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Teknik Kejuruteraan (JPTK), Universiti Teknologi Malaysia dan juga individu yang ingin menjadikan perguruan sebagai profesion mereka. Di antara kepentingan kajian ini adalah

- (i) kajian ini diharap dapat memberikan maklumat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai apakah faktor-faktor yang mendorong seseorang individu memilih profesion perguruan sebagai kerjaya mereka. Dapatan kajian juga boleh dijadikan maklum balas kepada Kementerian Pendidikan Malaysia terutamanya Bahagian Pendidikan Guru bagi memantapkan lagi kriteria calon yang memohon agar bakal guru yang dihasilkan benar-benar berkeinginan untuk menjadi seorang guru yang bertanggungjawab dan berdedikasi
- (ii) dengan dapatan kajian ini juga, diharap dapat membantu Jabatan Pendidikan Teknik Kejuruteraan (JPTK), Fakulti Pendidikan UTM dalam usaha melatih guru teknikal agar bersedia untuk menghadapi dunia perguruan dan menjadi seorang guru yang berkualiti. Selain itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan maklumat tambahan untuk pihak JPTK ketika mengenal pasti calon-calon yang sesuai semasa pemilihan pengambilan dilakukan. Ini bagi memastikan calon-calon terpilih bukan sahaja mampu menjadi seorang guru teknikal bah kan juga mempunyai ciri-ciri guru yang baik

(iii) dapatan kajian ini diharap dapat membantu responden ataupun guru pelatih untuk membuat penilaian sendiri di atas pemilihan yang mereka ambil. Penilaian ini diharap akan meyakinkan individu tersebut bahawa kerjaya yang mereka pilih adalah suatu pilihan yang tepat. Kajian ini juga diharap boleh menjadi satu maklumat dan rujukan bagi individu yang ingin melakukan penyelidikan mengenai faktor-faktor yang mendorong seseorang memilih bidang perguruan kelak.

### **Skop Kajian / Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kepada beberapa faktor yang telah dikenal pasti mempengaruhi pemilihan kerjaya sebagai seorang guru. Ianya hanya melibatkan pelajar-pelajar tahun satu Kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) sahaja. Pemilihan responden adalah disebabkan oleh pengambilan pelajar baru bagi sesi 2007/2008 untuk bidang Pengajian TeknikKejuruteraan ini hanya melibatkan pelajar daripada kumpulan Kemahiran Hidup sahaja. Aspek kajian yang dipilih adalah terbatas kepada faktor pengaruh orang signifikan, faktor peribadi dan faktor kemudahan yang diberikan dalam perkhidmatan pendidikan dalam mendorong guru pelatih, Fakulti Pendidikan memilih profesion perguruan.

### **Metodologi**

#### **Responden Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah kajian kes dan melibatkan responden yang terdiri daripada guru pelatih, Fakulti Pendidikan. Seramai 41 orang pelajar tahun satu Kursus Ijazah Sarjana Muda teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) telah dipilih sebagai responden. Responden ini mengikuti pengajian dalam bidang perguruan teknik kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor bagi pengambilan sesi 2007/2008. Pemilihan responden adalah berdasarkan kemasukan mereka pada sesi 2007/2008 bagi semester I.

#### **Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik. Menurut Oppenheim (1996), soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan, selain daripada keterangan latar belakang. Soal selidik merupakan alat pengukuran yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya (Mohd Najib Abdul Ghafar,1999). Di samping itu, ia dapat mengurangkan kemungkinan berlakunya berat sebelah akibat sifat peribadi atau kemahiran penyelidik (Abu Hasaan dalam Suzariman,2000). Malah penggunaan soal selidik adalah lebih sesuai kerana ia lebih praktikal, berkesan dan menjimatkan perbelanjaan.

Penyelidik membuat soal selidiknya sendiri di samping mendapat tunjuk ajar daripada pensyarah bimbingan. Soal selidik ini terdiri daripada 2 bahagian utama iaitu Bahagian A dan Bahagian B sebagaimana diterangkan di bawah ini

**Bahagian A:** Mengumpul maklumat mengenai butiran peribadi responden iaitu jantina, bangsa dan umur. Responden dikehendaki mengisi tempat kosong yang disediakan.

**Bahagian B:** Bahagian ini terdiri daripada 30 item berbentuk soalan berbentuk skala empat mata

## **Kajian Rintis**

Kajian rintis dijalankan untuk mengetahui sejauh mana responden memahami soalan yang dikemukakan, iaitu satu kaedah biasa untuk menilai isi kejelasan dan kebolehpercayaan soalan yang dibina. Kajian rintis dilakukan untuk menguji semula kesahan dan kebolehpercayaan item – item dalam soal selidik sebelum kajian sebenar dijalankan.

Menurut Best dan Khan (1988), kajian rintis digunakan untuk mendapatkan darjah kebolehpercayaan dalam mengukur ketepatan dan ketekalan instrumen. Kenyataan beliau disokong oleh Mohd Najib Abdul Ghafar (2000) dengan menyatakan kesahan merujuk kepada keupayaan instrumen penyelidikan mengukur kajian dengan cepat.

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan, kejituan ataupun ketepatan ukuran yang dibuat. Ujian kebolehpercayaan yang tinggi menghasilkan keputusan yang hampir sama apabila ujian yang sama ditadbirkan beberapa kali dalam keadaan yang sama (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1997). Kebolehpercayaan juga menerangkan sejauh mana sesuatu ukuran boleh memberikan maklumat yang tekal tanpa keraguan. Untuk ujian kebolehpercayaan, seramai 10 orang pelajar telah dipilih untuk menjalani ujian rintis bagi kajian ini. Kesemua pelajar tersebut terdiri daripada pelajar tahun akhir kursus Ijazah sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik). Daripada kajian rintis tersebut beberapa pembetulan dibuat sekiranya perlu terhadap item bagi memantapkan soalan. Daripada kajian yang dijalankan, dihadapi nilai alpha yang diperolehi ialah 0.81.

Menurut Mohd. Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001), nilai pekali Alpha Cronbrach ( $\alpha$ ) melebihi 0.6 menunjukkan instrumen kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan tidak perlu ditukar. Ia boleh diguna pakai untuk kajian sebenar. Sebaliknya jika nilai Alpha Cronbach diantara 0.0 hingga 0.2,kesemua item kajian perlu diubah. Bagi nilai Alpha Cronbach di antara 0.3 hingga 0.6 hanya sebahagian sahaja item kajian perlu diubah.

Manakala untuk menguji keesahan instrumen kajian pula, pengkaji akan mendapatkan pengesahan daripada sekurang-kurangnya dua pakar yang terdiri daripada guru yang telah sedia mempunyai pengalaman dalam dunia pendidikan ini. Ini bertujuan untuk memastikan objektif instrumen dan makna setiap item adalah jelas. Setelah soal selidik dikembalikan, terdapat beberapa item yang perlu dibetulkan dari segi bahasa dan susunan ayat. Setelah dibaiki dan disahkan, soal selidik kemudiannya diedar.

## **Keputusan**

### **Analisis Jantina, Bangsa dan Umur**

Jadual 4.1 dan 4.2 menunjukkan responden kajian terdiri daripada seramai 41 orang. Seramai 12 daripadanya adalah lelaki(29.3%) dan 29 orang lagi adalah perempuan(70.7%) Ini menunjukkan responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki. yang kesemunya berbangsa Melayu(100%). Analisis kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti responden berusia dalam lingkungan 21-22 tahun iaitu seramai 27 orang(65.9%), manakala seramai lima orang bagi julat 18-20 dan 23-24 tahun(12.2%) dan seramai empat orang responden berusia 25 tahun ke atas(9.8%).

### **Pengaruh Orang Signifikan dalam Pemilihan Profesion Perguruan**

Item 1 menunjukkan 25 orang(61%) responden tidak bersetuju yang mereka didorong oleh ibu bapa yang bekerja sebagai seorang guru untuk memilih profesion perguruan sebagai kerjaya. Manakala seramai 16 orang(39%) responden bersetuju yang mereka dipengaruhi oleh ibu bapa mereka yang seorang guru dalam pemilihan kerjaya mereka. Min yang dicatat bagi item ini sebanyak 2.17

Bagi item 2, hanya 10 orang(24.4%) responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan 'ibu bapa saya menggalakkan saya memilih bidang perguruan' manakala selebihnya seramai 31 orang(75.6%) responden bersetuju. Min yang diperolehi daripada item ini sebanyak 3.05

Lebih daripada separuh daripada responden memilih profesion perguruan kerana didorong oleh perbincangan bersama-sama rakan. Ini dapat dilihat daripada item 3, iaitu dengan adanya 26 orang(63.4%) responden bersetuju yang mereka memilih profesion perguruan kerana mereka ada berbincang dengan rakan mengenai pemilihan profesion perguruan. Seramai 15 orang(36.6%) responden pula tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Item ini mencatat 2.83 sebagai min

Item 4 membincangkan mengenai pemilihan profesion perguruan responden didorong oleh saudara mara yang inginkan mereka mahukan mereka menjadi seorang guru. Seramai 25 orang(61%) tidak setuju dengan pernyataan tersebut dan 16 orang(39%) pula bersetuju yang mereka sememangnya dipengaruhi oleh saudaramara dalam pemilihan profesion perguruan sebagai kerjaya mereka. Min yang dicatatkan bagi item ini sebanyak 3.22

Bagi item 5, seramai 17 orang(41.5%) responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan 'saya memilih untuk memilih kursus perguruan kerana salah seorang saudara saya merupakan seorang pendidik yang berjaya' manakala selebihnya seramai 24 orang(58.5%) responden bersetuju. Min yang diperolehi daripada item ini sebanyak 2.68

Kurang daripada separuh responden tidak bersetuju dengan pernyataan mereka dinasihatkan oleh keluarga dan saudara untuk memilih kerjaya sebagai guru untuk kesenangan di masa hadapan. Ini jelas pada item 6 yang memperlihatkan seramai 15 orang(36.6%) responden tidak bersetuju dan 26 orang(63.4%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Min yang diperolehi daripada item ini ialah 2.83

Item 7 yang menyatakan responden dipengaruhi oleh karektor guru memperlihatkan sebanyak 38 orang(92.6%) bersetuju dengan pernyataan 'karektor guru saya yang baik hati dan penyayang menyebabkan saya memilih kerjaya sebagai guru'. Hanya 3 orang(7.3%) responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Jumlah min yang diperolehi adalah 3.49

Item 8 pula membincangkan responden disarankan oleh guru dalam pemilihan profesion sebagai seorang guru. Seramai 26 orang(63.4%) responden bersetuju dan 15 orang(36.6%) tidak bersetuju. Nilai min yang dicatatkan bagi item ini sebanyak 2.8.

Bagi item 9, hanya 6 orang(14.6%) responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan 'guru saya sering bercerita tentang pengalamannya sebagai seorang guru menyebabkan saya tertarik untuk menceburi bidang pendidikan' manakala selebihnya seramai 35 orang(85.4%) responden bersetuju. Min yang diperolehi daripada item ini sebanyak 3.27

Item 10 menunjukkan 23 orang(56.1%) responden tidak bersetuju yang mereka didorong oleh rakan-rakan untuk memilih profesion perguruan sebagai kerjaya. Manakala seramai 18 orang(43.9%) responden bersetuju yang mereka dipengaruhi oleh rakan mereka dalam pemilihan kerjaya mereka. Min yang dicatatkan bagi item ini sebanyak 2.34

Lebih daripada separuh daripada responden tidak bersetuju yang mereka dipengaruhi oleh adik-beradik dalam pemilihan kerjaya sebagai seorang guru. Ini dapat dilihat dengan 23 orang(56.1%) responden tidak bersetuju yang mereka memilih profesion perguruan kerana adik beradik inginkan mereka menjadi seorang guru. Seramai 18 orang(43.9%) responden pula setuju dengan pernyataan ini. Item 11 ini mencatat 2.34 sebagai min

Bagi item 12, seramai 24 orang(58.6%) responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan ‘rakan sebaya yang terlebih dahulu memilih profesion perguruan mendorong saya memilih untuk menjadi guru’ manakala selebihnya seramai 17 orang(41.5%) responden bersetuju. Min yang diperolehi daripada item ini sebanyak 2.44

Item 13 menunjukkan 17 orang(41.5%) responden tidak bersetuju yang mereka memilih kursus perguruan kerana sejak kecil mereka dan rakan-rakan suka bermain permainan ‘cikgu-cikgu’ Manakala seramai 24 orang(58.5%) responden bersetuju yang mereka dipengaruhi oleh permainan ‘cikgu-cikgu’ yang pernah mereka main ketika kecil . Min yang dicatat bagi item ini sebanyak 2.76

## **Perbincangan**

### **Faktor Orang Signifikan Penting Terhadap Pemilihan Profesion Perguruan**

Persoalan kajian pertama adalah “Adakah faktor orang signifikan mempengaruhi guru pelatih Fakulti Pendidikan memilih profesion perguruan?”. Dapatan kajian menunjukkan pengaruh orang signifikan dalam pemilihan profesion perguruan adalah sederhana. Orang signifikan dalam kajian ini melibatkan keluarga iaitu ibu bapa, adik beradik dan saudara mara, guru dan juga rakan.

Dapatan kajian membuktikan pengaruh guru lebih tinggi dalam mempengaruhi keputusan responden dalam memilih profesion perguruan. Malah Jantzen (1981) menjelaskan di dalam kajiannya terdapat pengaruh guru dalam pemilihan pekerjaan. Ini jelas membuktikan guru memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kerjaya yang dipilih oleh responden. Perlu diingat, guru boleh mendatangkan perubahan dan pengaruh kepada setiap pelajarannya. Oleh itu, guru perlu menunjukkan sikap dan teladan yang baik agar pelajarannya boleh menjadikan beliau sebagai seorang idola.

Keluarga yang terdiri daripada ibu bapa, adik-beradik dan saudara mara juga mempengaruhi pemilihan dalam profesion perguruan di kalangan guru pelatih Fakulti Pendidikan. Sokongan daripada keluarga amat penting terutamanya dalam pemilihan kerjaya. Hishammuddin Tun Hussein(1995) menyatakan bahawa system kekeluargaan di negara ini, keluarga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya di dalam ahli keluarga. Namun begitu, dalam dapatan ini keluarga kurang memainkan peranan dalam mendorong guru pelatih memilih profesion perguruan. Ini kerana responden kebanyakannya bukan terdiri daripada keluarga yang berkerjaya sebagai seorang guru.

Dari segi pengaruh rakan pula tidak memberikan dapatan yang tinggi dan menjelaskan bahawa pengaruh rakan adalah rendah dalam pemilihan profesion perguruan di kalangan responden. Dapatan ini menunjukkan teori Ginzberg(1993) yang menyatakan pertimbangan yang dibuat oleh seseorang dalam menentukan pemilihan kerjaya adalah bergantung kepada diri sendiri dengan menilai kebolehan, minat dan cita rasa individu terhadap dunia pekerjaan tersebut.

Item yang memberikan min tertinggi menyatakan responden memilih profesion perguruan kerana kerektor guru mereka yang baik hati dan penyayang. Ini bertepatan dengan Atan Long(1988) yang menyatakan salah satu sifat penting yang perlu ada pada guru adalah menimbulkan minat pelajarannya. Apa yang boleh disimpulkan adalah responden memilih profesion perguruan kerana terpengaruh dengan karektor guru mereka sendiri di samping menjadikan guru mereka sebagai idola.

Pernyataan ‘Saya memilih kursus perguruan kerana ibu/ bapa saya seorang guru’ memberikan min terendah dalam pengaruh orang signifikan. Daripada item ini dapat dilihat, kebanyakan responden bukanlah terdiri daripada berlatar belakangkan ibu bapa seorang guru. Ini membuktikan bahawa pengaruh keluarga tidak memberikan kesan yang besar kepada pemilihan profesion perguruan di kalangan guru pelatih Fakulti Pendidikan

Kesimpulannya, guru lebih memberikan pengaruh yang besar terhadap pemilihan kerjaya sebagai guru di kalangan guru pelatih Fakulti Pendidikan berbanding pengaruh keluarga dan rakan.

### **Faktor Peribadi Terhadap Pemilihan Profesion Perguruan**

Persoalan kajian kedua adalah ‘Adakah faktor peribadi mempengaruhi guru pelatih Fakulti Pendidikan memilih profesion perguruan?’. Dapatan kajian menunjukkan pengaruh peribadi bertahap tinggi. Malah faktor ini merupakan factor yang mempengaruhi pemilihan profesion perguruan terbesar berbanding faktor-faktor lain.

Menurut Ginzberg(1951), apabila seseorang membuat pertimbangan mengenai pemilihan pekerjaan, dia akan menilai dirinya dari pelbagai sudut yang berkaitan dengan profesion yang dipilih seperti kebolehan, kelayakan, bakat dan personalitinya. Ini jelas menyokong faktor peribadi mampu memberikan pengaruh yang besar kepada pemilihan profesion perguruan.

Item tertinggi merujuk kepada responden menyatakan bahawa mereka memilih kursus perguruan kerana mereka berpeluang untuk menyampaikan ilmu yang mereka ada. Hasil dapatan ini menyokong Hamidi Jaafar(1996) yang mendapati faktor utama yang mempengaruhi pelajar Kusus Diploma Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia memilih profesion perguruan sebagai kerjaya kerana berkeinginan menyampaikan ilmu kepada orang lain.

Item terendah pula merujuk kepada pernyataan ‘Saya berminat untuk menjadi guru kerana saya bercita-cita untuk menjadi pendidik sejak daripada saya kecil lagi’. Kajian yang dilakukan oleh Karthigesu (1987) mendapati 67% sampelnya memilih profesion keguruan kerana didorong oleh minat terhadap pekerjaan itu sendiri dan 48.3% pula memilih menjadi guru kerana memenuhi cita-cita mereka. Ini menjelaskan lagi factor besar pemilihan untuk menjadi guru adalah minat, tetapi tidak ramai responden memang bercita-cita menjadi guru sejak mereka kecil lagi.

Kesimpulannya, faktor peribadi merupakan faktor yang sangat mempengaruhi pemilihan responden terhadap kerjaya perguruan.

### **Faktor Tarikan Kemudahan yang Diberikan dalam Perkhidmatan Pendidikan Terhadap Pemilihan Profesion Perguruan**

Persoalan kajian ketiga adalah ‘Adakah faktor kemudahan yang diberikan dalam perkhidmatan pendidikan mempengaruhi guru pelatih Fakulti Pendidikan memilih profesion perguruan?’. Dapatan kajian menunjukkan pengaruh kemudahan yang diberikan dalam perkhidmatan memberikan tahap sederhana.

Faktor kemudahan seperti gaji, cuti yang panjang, elaun perkhidmatan dan lain-lain memberikan pengaruh kepada responden dalam memilih untuk menceburkan diri di dalam dunia perguruan. Pernyataan ini disokong oleh Ribak (1994) sewaktu menjalankan kajian ke atas penuntut lepasan ijazah untuk mengetahui sebab-sebab orang memilih kerjaya sebagai pentadbir sekolah, kaunselor sekolah dan guru telah memperolehi dapatan yang hampir sama iaitu sebab-sebab yang mempengaruhi seseorang menjadi guru adalah kerana pekerjaan yang terjamin, jadual kerja yang tersusun baik dan cuti yang mencukupi.

Item yang memberikan min tertinggi menyatakan responden memilih profesion perguruan tanpa dipengaruhi oleh aspek gaji, cuti serta lain-lain kemudahan yang ditawarkan oleh kerjaya perguruan. Dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan pendapat Mohd Salleh Lebar(1998) yang menyatakan cuti

yang banyak dalam kerjaya perguruan berbanding kerja lain merupakan faktor yang mempengaruhi pemilihan terhadap kerjaya ini kerana banyak masa boleh diluangkan bersama keluarga.

Pernyataan ‘saya memilih bidang perguruan kerana bidang perguruan mudah untuk mendapat kenaikan pangkat/gaji’ mencatatkan min yang terendah. Hasil dapatan ini sejajar dengan pendapat Salbiah(1998) yang mendapati sebahagian besar responden dalam kajiannya tidak menganggap gaji yang lumayan sebagai pendorong dalam memilih kerjaya perguruan.

Kesimpulannya, faktor kemudahan yang diberikan dalam perkhidmatan merupakan faktor yang kurang mempengaruhi pemilihan responden terhadap kerjaya perguruan.

### **Faktor Utama Terhadap Pemilihan Profesion Perguruan**

Faktor utama yang dikenal pasti dalam memberi pengaruh pemilihan profesion di kalangan guru pelatih Fakulti Pendidikan adalah pengaruh peribadi. Faktor kedua adalah orang signifikan dan paling kurang mempengaruhi ialah pengaruh kemudahan yang diberikan dalam perkhidmatan pendidikan.

Apa yang boleh dilihat di sini, faktor peribadi amat mendorong guru pelatih dalam memilih profesion perguruan. Ini kerana setiap responden merasakan profesion perguruan bukanlah satu bidang yang dianggap remeh dan dipilih kerana desakan oleh faktor-faktor lain. Mereka memilih profesion perguruan kerana mereka yakin mereka mempunyai bakat untuk mengajar, sukakan kanak-kanak, dan sangat berminat untuk menjadi seorang guru. Dengan dapatan ini, jelas menunjukkan profesion perguruan sudah mula dipandang tinggi dan bukan lagi dipilih kerana tiada pilihan lain.

### **Rumusan**

Secara umumnya, cabaran dalam dunia pendidikan kian meningkat dari hari ke hari. Pelbagai usaha perlu diambil bagi memastikan guru pelatih mampu melakukan anjakan paradigma di masa hadapan. Faktor-faktor yang mendorong guru pelatih memilih profesion perguruan perlu terus dikaji agar negara mampu berkembang dengan lebih pesat. Apa yang sentiasa perlu diingat, guru yang berkualiti dan mampu mendidik anak bangsa akan melahirkan pemimpin yang berkaliber dan disegani kelak.

### **Rujukan**

Abraham Maslow (1970). *Motivation and Personality*. New York: Harper and Row. Morrison.

Akmalunnisak Binti Md. Salleh (2007). *Hubungkait Antara Ciri – Ciri Personaliti dan Pemilihan Kerjaya Pelajar*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan

Atan Long (1982). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Atan long (1984). *Pendidik dan Pendidikan*. Petaling Jaya. Fajar Bakti.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (1988-1996). *Perangkaan Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur. Utusan Melayu (M) Bhd

Best, John, W & Khan, Janes. V (1993) *Research in Education USA*: Simon and Schuster.Inc

Crow & Crow (1980). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.



- Ee Ah Meng (1994) *Pedagogi Dalam Bilik Darjah*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur. 114-115.
- Esah Sulaiman (1997). *Pedagogi Dalam Bilik Darjah*. Edisi pertama. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Faridah Mariani dan Widad Othman (1998). Faktor Pengaruh Pilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Omar, Dungun, Terengganu. *Jurnal Pendidikan*, 1-14
- Fox, John (1998) *Back to the Future – Management of Change*. Anne Fox & Associates, Australia
- Ginzberg, E (1997) *Toward a Theory of Occupational Choice*, New York
- Ginberg, E, S.W. Ginzberg, S. Axelrad & Herma J.L (1951). *Occupation Choice : An Approach to a General Theory*. New York : Columbia University Press
- Hamidi Jaafar (1996) *Perspekti Pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia terhadap Perguruan sebagai suatu Profesion : suatu Tinjauan*. Tesis sarjana muda, Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan
- Hishammuddin Hussein Dato' Sri (2005). *Jurnal Pendidik*. WIDAD Publication Sdn Bhd. Bil 13-2005
- Jantzen, J.M (1981). *Why College Students Choose to Teach*. *Journal of Education*. Vol 32, p. 45-48
- Joseph, P.B & Nancy Green (1986). *Perspectives on Reasons for Becoming Teachers*. *Journal of Teacher Education*. Vol. 37, No. 6. P.28-33
- Kamus Dewan (1999) Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kasim Ab. Rahman (1999) *Pendidikan : Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mohd Majid Konting. (1999) *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1998) *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Pertama. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia